

Pekerja asing di Malaysia – keperluan atau pembaziran modal insan tempatan

Soijah Binti Likin

Antropologi/Sosiologi

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM. Pulau Pinang

soijah@usm.my

Migrasi pekerja antarabangsa bukan sahaja fenomena bagi negara penerima tetapi juga menjadi industri baru bagi negara pengeksporth tenaga kerja untuk menambahkan pendapatan negara. Pengeksportan pekerja menjadi sumber pendapatan yang penting bagi negara-negara yang miskin seperti kerajaan Indonesia yang melakukan program pengeksporth tenaga kerja untuk mengatasi masalah pengangguran dan kemiskinan. Pengiriman pekerja Indonesia ke luar negara telah ditetapkan dalam *Garis-Garis Besar Haluan Negara (GBHN)* 1993 – 1998 dan 1999 – 2004 sebagai kebijakan eksport selain minyak. Malahan kerajaan Indonesia menyatakan bahawa penghijrahan merupakan salah satu alternatif kebijakan ekonomi bagi pembangunan ekonomi Indonesia pada masa sekarang mahu pun akan datang (Carunia Mulya Firdausy, 2000).

Salah satu daripada negara di dunia yang menjadi tumpuan pekerja asing ialah Malaysia. Malaysia dianggap sebagai “lubuk emas: oleh rakyat negara jiran yang miskin. Meskipun bekerja di luar negara mendatangkan berbagai masalah tetapi ianya semakin berkembang dan diakui sebagai satu pilihan untuk mengubah nasib mereka (Soijah Likin, 2004:21).

Mereka pulang dan berhijrah semula sehingga membentuk suatu sistem penghijrahan yang berkesinambungan dan mengalirkan pekerja, gagasan, dan wang kepada dan dari daerah asal (M. Lala Kolopaking, 1999:312).

Sistem penghijrahan yang berkesinambungan hanya menguntungkan negara pengeksporth tenaga pekerja. Manakala negara penerima pula mengalami kebanjiran pekerja asing samada secara sah ataupun tidak sah. Negara penerima juga menanggung berbagai kesan sosial yang negatif akibat kebanjiran pelbagai bangsa pekerja asing.

Keberadaan pekerja asing di Malaysia telah sampai ke tahap berlebihan berbanding keperluan. Dua dekad yang lalu, pekerja asing hanya bekerja di sektor pembinaan dan perladangan. Pada hari ini pekerja asing terdapat di pelbagai sektor yang sepatutnya diisi oleh warga tempatan. Ia memberi gambaran bahawa kerja-kerja kolar biru hanya boleh dilakukan oleh pekerja asing.

Pengambilan pekerja asing untuk bekerja di sektor perladangan dan pembinaan memang sukar dielakkan kerana kerja-kerja tersebut ditolak oleh penduduk tempatan. Penduduk tempatan mempunyai pilihan bekerja di sektor yang menawarkan pendapatan yang lumayan, selesa dan tidak bahaya.

Namun yang sukar untuk diterima ialah majikan di sektor lain yang sengaja mengambil pekerja asing untuk mengaut keuntungan yang berlebihan. Pekerja asing dibayar upah yang murah berbanding orang tempatan (Utusan Malaysia, 21 Oktober 2007).

Sikap sedemikian yang telah menyebabkan seramai 2.5 juta pekerja asing yang sah bekerja di Malaysia. Jumlah tersebut lebih besar jika dicampur dengan pendatang tanpa izin yang dipekerjakan oleh majikan-majikan yang tidak patriotik. Jika majikan menolak pendatang tanpa izin bekerja sudah pasti mereka tidak akan berada di Malaysia. Fenomena pekerja asing yang tidak sah tidak akan pernah ada atau sangat kecil jumlahnya, jika tidak ada penggunaanya (*Suara Pembaruan*, 16 Februari 2005). Tindakan undang-undang yang tegas harus dikenakan bukan sahaja terhadap pekerja asing tidak sah tetapi terhadap majikan yang mempekerjakan mereka.

Tidak mengejutkan apabila dikatakan jumlah pekerja asing dalam pelbagai sektor di negara ini lebih ramai daripada masyarakat India, iaitu kaum ketiga terbesar di Malaysia. Berdasarkan statistik sehingga 30 Jun lalu yang dikeluarkan Jabatan Imigresen dan Bahagian Perangkaan Demografi, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah pekerja asing mencecah 1.91 juta, manakala masyarakat India 1.88 juta (*Berita Harian*, 12 Ogos 2007)

Masalah Sosial

Pelbagai masalah sosial terjadi akibat kebanjiran pekerja asing. Keadaan ini disebabkan tingkah laku, nilai, norma, budaya dan sikap mereka yang bertentangan dengan tingkah laku nilai, norma, budaya tuan rumah. Walaupun sering disebut “kita serumpun” tetapi antara Malaysia dan Indonesia sangat berbeza. Begitu juga dengan negara-negara lain seperti Bangladesh, Pakistan walaupun majoritinya beragama Islam tetapi berbagai masalah sosial tetap wujud. Pengambilan pekerja asing dari Bangladesh pernah dibekukan pada 6 Februari 2002 kerana menimbulkan masalah moral. Mereka sering mengganggu isteri atau anak gadis di khalayak ramai tanpa segan silu. Perangai yang tidak bermoral itu telah membawa pergaduhan dengan penduduk tempatan (*Fokus*, Julai 2002).

Kebanjiran pekerja asing menjadikan rakyat Malaysia semakin tidak selesa dan selamat. Sepatutnya sebagai tetamu haruslah bersikap menghormati tuan rumah. Di mana-mana saja negara di dunia ini yang menjadi tumpuan pekerja asing menuntut hal yang sama. Mereka harus menyesuaikan diri dengan masyarakat tuan rumah. Apa yang terjadi di Malaysia adalah sebaliknya. Tuan rumah pula yang mengalah dan menyesuaikan diri dengan mereka. Sebelum kebanjiran pekerja asing kita rasa selamat untuk berada di mana saja tetapi kini ada tempat-tempat tertentu yang kita terpaksa hindari kerana dimonopoli pekerja asing.

Pekerja asing di Malaysia terdiri dari pelbagai bangsa dari negara kurang membangun dan mundur. Budaya, nilai, norma, watak yang dibawa ke negara ini adalah ciri-ciri mental kelas ketiga. Secara tidak langsung persekitaran yang wujud adalah persekitaran negara kurang membangun dan mundur seperti pengotor, bising, kencing dan membuang sampah sesuka hati, serta tidak menggunakan kemudahan awam dengan betul. Di Kuala Lumpur pada Aidilfitri telah diserbu pendatang asing dan apabila mereka beredar maka lautan sampah yang ditinggalkan (*Utusan Malaysia*, 23 Oktober 2007). Kesannya kepada nilai, norma, sikap, budaya masyarakat Malaysia ialah kemuduran nilai, norma, sikap, budaya. Apakah persekitaran ini sihat untuk generasi muda membesar?

Kesan banjir pekerja asing di negara ini juga menyebabkan masalah sosial dan penyakit. Terutamanya yang berpunca daripada pendatang tanpa izin yang sudah semestinya tidak menggunakan saluran dan prosedur yang betul untuk memasuki Malaysia.

Hakikatnya, hari demi hari ia kelihatan makin sukar untuk diselesaikan. Malahan kita seakan dibuli oleh negara-negara pengeksport pekerja asing seperti Indonesia. Media massa sering menjadikan pekerja Indonesia sebagai berita untuk menunjukkan perlakuan buruk Malaysia (*Utusan Malaysia*, 30 September 2007). Walaupun kejadian tersebut adalah tidak benar tapi ia dapat membakar emosi bangsa mereka.

Tindakan kerajaan Malaysia melaksanakan hukuman sebat pada 1 Ogos 2002 dan pemulangan pekerja tak sah telah menimbulkan kecaman dan tunjuk perasaan di depan Kedutaan Malaysia, Jakarta (*Berita Harian*, 28 Ogos 2002). Kerajaan melakukan tindakan tersebut demi keselamatan negara dan masyarakat yang semakin terancam dengan pelbagai masalah yang ditimbulkan oleh pekerja asing dari Indonesia. Negara penghantar tidak lagi menghormati negara penerima dan memperlakukan Malaysia seolah-olah di bawah kekuasaan mereka. Ini jelas terlihat apabila kerajaan Malaysia mengambil tindakan atau melaksanakan polisi tertentu terhadap pekerja mereka maka jalur gemilang akan menjadi mangsa dibakar. Bukan sekali tetapi telah berkali-kali. Mereka memberi isyarat seolah-olah negara penerima tenaga kerja Indonesia sepatutnya menerima saja apapun yang dilakukan oleh rakyat Indonesia kerana tanpa mereka Malaysia tidak akan dapat membina KLCC, KLIA, Putrajaya. Adilkah anggapan seperti itu?

Peluh yang mereka curah untuk membina mercu tanda dan pekerjaan yang dilakukan adalah dibayar. Gaji tersebutlah yang mengeluarkan jutaan rakyatnya dari kemiskinan dan pengangguran. Kerajaan Indonesia sendiri tidak mampu untuk mengatasi kemiskinan dan mengurangkan kadar pengangguran yang relatif tinggi (*Utusan Malaysia*, 20 Oktober 2007). Apatah lagi membela nasib rakyat kecil di desa-desa yang miskin dan tidak tersentuh pembangunan samasekali. Keadaan tersebut telah menyebabkan pekerja

Indonesia yang dihantar pulang oleh kerajaan Malaysia enggan pulang ke kampung halaman. Alasan mereka enggan pulang ke kampung halaman ialah malu dengan orang kampung, gaji yang belum diambil di tempat mereka bekerja, sukarnya mencari pekerjaan di tanah air sendiri (*Kompas*, 8 September 2002; 14 September 2002).

Menurut Apong Herlina (aktivis perburuhan Indonesia), ramai pekerja Indonesia yang memilih kembali ke Malaysia kerana didesak oleh ketiadaan pilihan bertahan hidup di negara sendiri. Oleh kerana itulah, segala ancaman hukuman dari kerajaan Malaysia tidak mematahkan hasrat untuk kembali ke Malaysia (*Kompas*, 30 Ogos 2002).

Malahan protes yang menuntut agar pengiriman pekerja wanita ke luar negara dihentikan telah menimbulkan bantahan di kalangan pekerja wanita Indonesia. Tragedi kemanusiaan yang menimpa pekerja wanita Indonesia tidak menjadi penghalang penghijrahan. Kejadian tersebut dipandang sebagai nasib buruk yang belum tentu menimpa mereka. Maka tidak hairanlah jika 75.2% daripada wanita yang pernah mengalami masalah ketika bekerja di luar negara masih menyimpan keinginan bekerja semula ke luar negara (M.Lala Kolopaking, 1999:126).

Mungkinkah pepatah hujan emas di negara orang lebih baik di negara sendiri tidak sesuai untuk menggambarkan keadaan pekerja asing di Malaysia. Sebaliknya negara orang memberi emas, negara sendiri memberi batu adalah ungkapan yang tepat. Oleh sebab itulah pekerja asing di Malaysia merebut peluang sebaik mungkin untuk mengumpulkan wang dan harta kerana peluang tersebut tidak ada di negara mereka. Oleh kerana itu jutaan manusia Indonesia rela bekerja apa saja dan di bayar berapa pun kerana di dalam negeri mereka tidak boleh bekerja apa-apa. Walaupun bekerja membanting tulang, diperlakukan sangat hina, dan kadang dianiaya serta di perkosa, sebagian besar dari mereka tetap memilih bekerja di luar negeri daripada menganggur di kampung-kampung (*Suara Pembaruan*, 16 Februari 2005).

Walaupun keadaannya, Malaysia tidak boleh hanyut dengan cerita duka dan sengsara pekerja asing di negara asal mereka. Keselamatan negara, kepentingan rakyat adalah isu yang lebih utama.

Hal kebergantungan Malaysia kepada guna tenaga asing dan juga kesan-kesan kedatangan warga asing ini ke Malaysia demi memenuhi tuntutan ekonomi yang sedang berkembang pesat di negara ini sudah sampai masanya untuk diselesaikan secara serius.

Penguatkuasaan

Semua pihak harus bertanggungjawab untuk memastikan hanya pekerja asing yang layak dan sah sahaja berada di negara ini. Jika semua pihak sama ada rakyat atau pihak berwajib mempunyai sikap dan tanggungjawab untuk menjaga negara daripada unsur-unsur negatif, sudah pasti masalah pekerja asing di Malaysia tidak akan separah ini.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), G.Rajasekaran berkata, rekod kemasukan pekerja asing yang amat tinggi adalah tidak munasabah. Pengeluaran permit pekerja asing dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira keperluan sebenar pihak majikan merupakan antara punca kebanjiran pekerja asing (*Utusan Malaysia*, 16 Oktober 2007).

Skandal rasuah yang melibatkan individu-individu di Jabatan Imigresen perlu dijadikan “pelajaran” kepada kerajaan untuk memastikan pihak-pihak yang bertanggungjawab menjalankan tanggungjawab mereka dengan amanah. Pihak terbabit umpama pintu rumah, jika pintu rumah hanya memilih tetamu tertentu sahaja maka keselamatan penghuninya lebih terjamin. Sekiranya pintu rumah sentiasa dibuka kepada semua maka negara kita umpama bakul sampah, pelbagai barang terdapat di dalamnya.

Terdapat juga penduduk yang memberi perlindungan kepada pekerja asing tanpa izin dengan memberi mereka kerja di kebun-kebun secara sembunyi. Pemilik kebun atau ladang menyediakan bangsal kediaman dan segala keperluan diurus oleh pemilik kebun atau ladang. Pekerja asing tidak akan keluar dari kawasan kebun tersebut sesuka hati.

Sesetengahnya hanya keluar dari kawasan tersebut apabila hendak balik ke negara asal atau bekerja dengan majikan lain. Keadaan ini lebih merbahaya kepada negara dan masyarakat kerana tempat persembunyian mereka yang terpencil dan tersembunyi. Pelbagai kegiatan negatif boleh dilakukan tanpa dapat dikesan oleh pihak berwajib maupun masyarakat setempat.

Malahan terdapat rakyat Malaysia yang terlibat sebagai tekong/calo yang membawa masuk pekerja asing tanpa izin. Mereka hanya memikirkan keuntungan diri sendiri. Sedangkan perbuatan mereka menyebabkan banjir pekerja asing yang mengakibatkan pelbagai masalah kepada negara.

Jika negara mahu bebas daripada banjir pekerja asing maka harus dipastikan pihak-pihak yang berwajib melaksanakan kerja dengan amanah.

Menjana modal insan tempatan

Faktor utama yang menjadi tonggak pembangunan dan kemajuan sesebuah negara ialah modal insan dan ini yang menjadi teras kedua antara lima teras utama misi nasional Rancangan Malaysia ke 9 (RMK9). Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sewaktu membentangkan RMK9 pada 31 Mac 2006 berkata: "Kita perlu bertindak pantas. Kita mempunyai kurang 15 tahun untuk capai wawasan 2020. Kita perlu menjadikan tempoh ini sebagai tempoh yang paling produktif dan paling bermakna, demi mencapai cita-cita kita" (*Utusan Malaysia*, 24 Julai 2007).

Justeru, sama ada berjaya atau gagal usaha menjana modal insan sendiri boleh diukur daripada bilangan pekerja asing yang masih mengaut peluang pekerjaan di negara ini.

Insan adalah aset penting negara. Modal insan adalah penentu kepada 'survival' sesebuah negara. Modal insan merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambah, ditingkatkan nilai intelek serta diperkaya modal budaya. Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Oleh itu, Kerajaan harus melipat

gandakan usaha dengan memperbanyak dan mempelbagaikan program pembangunan insan di kalangan rakyat tempatan untuk membina kekuatan fizikal, mental dan rohani.

Pada masa yang sama, jangan pula kita hanya tertumpu untuk melahirkan cerdik pandai serta intelek dan meminggirkan keperluan menghasilkan golongan pekerja kolar biru.

Hakikatnya negara tidak kekurangan tenaga pekerja tempatan. Pengangguran warga tempatan di Malaysia telah mencapai 90,000 orang. Manakala 242,190 orang atau 3.8 peratus daripada 6.3 juta pelajar sekolah di seluruh negara gagal menamatkan persekolahan mereka sehingga ke tingkatan lima. Di manakah mereka ini? Anak-anak ini walaupun tidak cemerlang dalam pelajaran boleh dilatih menjadi pekerja mahir atau separuh mahir. Pihak yang bertanggungjawab seharusnya menjejaki mereka untuk menjana modal insan demi kepentingan ekonomi negara dan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing (*Berita Harian*, 3 Ogos 2007).

Pergantungan ekonomi negara kepada buruh asing, terutamanya dalam sektor pembinaan dan pertanian memang tidak dapat dielakkan. Sektor-sektor tersebut merupakan sektor yang masih berintensifkan buruh. Pekerja asing memang diperlukan untuk sektor yang intensif buruh tetapi majikan juga harus mencari pendekatan baru untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Pertanian cara moden harus diperkenalkan di Malaysia. Malaysia sepatutnya mencontohi petani di England yang menguruskan ladang beribu-ribu hektar tanpa memerlukan jumlah pekerja yang ramai. Kaedah pertanian di Malaysia yang menggunakan pekerja yang ramai sudah tidak sesuai diamalkan kerana negara tidak memiliki tenaga buruh yang mencukupi. Oleh itu, majikan yang kini mempunyai buruh asing perlu menggunakan tenaga kerja mereka secara optimum, selain mencari pendekatan baru, iaitu ke arah intensif modal. Pendekatan tersebut adalah seiring dengan matlamat negara untuk menjadi sebuah negara perindustrian serta persediaan sekiranya 2 juta pekerja asing itu kembali ke negara masing-masing.

Hasrat untuk menjadi sebuah negara perindustrian sukar untuk terlaksana jika Malaysia terus bergantung kepada buruh asing. Pergantungan kepada pekerja asing akan melambatkan proses pemindahan dan penyerapan teknologi terkini kerana majikan lebih berminat menggaji buruh asing kerana upah yang rendah daripada memiliki teknologi yang lebih mahal (kos tetap).

Kerajaan menggalakkan pelabur menggunakan teknologi tinggi, berintensifkan modal dan intensif teknologi supaya tidak bergantung kepada terlalu ramai pekerja (*Utusan Malaysia*, 22 Mac 2005)

Sedar atau pun tidak, kebanjiran pekerja asing juga telah merampas pekerjaan yang dilakukan oleh orang Melayu. Kebanyakan pekerjaan yang diisi oleh pekerja asing adalah pekerjaan yang sebelumnya dilakukan oleh orang Melayu. Hal ini perlu dipandang serius kerana jika ia berterusan akan menimbulkan masalah ekonomi di kalangan orang Melayu. Kita tidak mahu orang Melayu merempat di bumi sendiri.

Perladangan dan pertanian adalah sektor-sektor yang orang Melayu telah lama bertapak dan mempunyai kelebihan. Punca orang Melayu tidak mahu bekerja di sektor tersebut harus dikaji. Apakah kerana malas atau manja? Apakah gaji yang rendah dan cara pertanian yang tradisional telah menyebabkan pertanian dan perladangan tidak menarik minat generasi muda orang Melayu.

Sektor pertanian, perikanan dan industri-industri yang berkaitan harus di modenkan agar menarik semula keterlibatan anak-anak melayu. Sektor-sektor ini berupaya memberi jaminan pulangan berjangka masa panjang. Banyak potensi yang dapat diraih; tambahan pula dengan penggunaan kaedah bioteknologi. Kita lihat pertanian di negara maju berjaya menarik minat generasi muda kerana mengamalkan pertanian moden. Jika Netherlands iaitu sebuah negara seluas negeri Pahang berupaya menjadi pengeksport barangan makanan dan pertanian kedua terbesar di dunia, tidak mustahil jika negara kita juga boleh melakukannya. Peranan kerajaan sangat diperlukan samada bantuan kewangan maupun teknikal.

Kesan utama apabila kita berjaya menjana modal insan sendiri dalam sektor pertanian ialah peningkatan ekonomi orang Melayu, menggelakkan kebergantungan kepada pekerja asing dan pengimportan sumber makanan daripada negara asing.

Kerajaan dan semua pihak perlu mengubah minda dan merubah penilaian terhadap sektor tersebut. Orang Melayu hendaklah ke hadapan, merintis usaha menjadi petani moden – memajukan sektor pertanian – menggerakkan industri asas tani.

Kebergantungan pekerja asing di sektor perkhidmatan seperti pembantu rumah boleh dikurangkan dengan menaikkan taraf kerjaya pembantu rumah kepada profesion yang dihormati boleh dikaji dengan lebih mendalam Menurut Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, terdapat kira-kira 310, 661 pembantu rumah di Malaysia. Selain itu untuk mengurangkan jumlah pembantu rumah adalah menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak yang selesa dan selamat. Majikan sama ada swasta atau kerajaan sepatutnya membina pusat jagaan kanak-kanak sendiri. Jika setiap majikan membina atau menyediakan ruang untuk menempatkan anak-anak pekerja maka permintaan kepada pembantu rumah tidak terlalu tinggi. Bekerja sebagai pengasuh kanak-kanak di pusat jagaan kanak-kanak lebih menarik dan terjamin bagi warga tempatan berbanding pekerjaan sebagai pembantu rumah.

Langkah-langkah jangka panjang seperti outsourcing dan automasi adalah di antara strategi-strategi yang dianggap berkesan bagi mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing. Di samping itu, kita boleh memperkenalkan strategi-strategi lain yang boleh diberi pertimbangan. Ini termasuk meningkatkan penglibatan guna tenaga wanita, pengambilan pesara-pesara, tenaga kerja yang terbiar seperti golongan belia di kawasan luar bandar, memperkenalkan program kerja separuh masa, teleworking dan menempatkan semula industri di kawasan-kawasan yang kurang membangun dan mempunyai bekalan tenaga kerja yang berlebihan.

Tindakan restoran makanan segera dan Plus yang memperkerja orang kurang upaya sebagai pengambil pesanan dan pemberi tiket tol adalah langkah bijak untuk mengurangkan pekerja asing. Langkah ini patut diteladani oleh pihak-pihak lain.

Warga tempatan tidak seharusnya terlalu memandang rendah kepada sesuatu pekerjaan. Tidak salah mencuba bidang-bidang seperti pembantu rumah, pembuatan, perladangan atau pembinaan jika tiada pilihan selain menganggur. Bukanlah itu lebih baik daripada kita melakukan kerja-kerja yang tidak berfaedah dan memudaratkan orang lain. Sudah tiba masanya warga tempatan mengubah persepsi terhadap pekerjaan yang dimonopoli warga asing. Fikirkan pembaziran yang dilakukan oleh kerajaan terhadap warga asing. Fikirkan juga keamanan dan kedaulatan negara yang semakin dipinggir oleh warga asing.

Kerjasama antara kerajaan, majikan-majikan serta warga tempatan dalam mengurangkan penggunaan pekerja asing memerlukan perancangan yang teliti. Bukan sahaja negara dapat menjimatkan kos-kos tertentu melalui usahasama ini, malah pihak polis dan jabatan imigresen juga tidak perlu memeningkan kepala menyelesaikan jenayah yang dilakukan oleh mereka. Keperluan yang wujud di antara majikan dan pekerja harus di isi dan pembaziran yang berlaku akibat kemasukan pekerja asing dapat dikurangkan.

Keperluan diurus secara bijaksana

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar, berkata penambahan pekerja asing memang tidak dapat dielakkan, terutama dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) yang memerlukan lebih 1.2 juta pekerja baru bagi memastikan semua sektor dapat digerakkan dengan lancar (*Berita Harian*, 19 Julai 2007).

Di negara kita hari ini, daripada tapak pembinaan, ladang, kebun sayur, kedai makan, pasar hingga ke pejabat berhawa dingin, rumah kediaman dan pelbagai lagi lokasi, kita boleh lihat pekerja asing ini. Jumlah itu adalah angka yang tinggi. Apabila jumlah mereka terlalu ramai, kita bimbang akan berlaku kesukaran untuk mengawal pergerakan mereka. Lebih membimbangkan apabila ada yang gagal memperoleh sebarang kerja di negara ini bertindak di luar jangkaan termasuk melakukan jenayah. Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri baru-baru ini turut membuat kenyataan bahawa warga asing bukan sahaja membanjiri pasaran pekerjaan dalam negara, malah turut menjadi hampir sebahagian daripada penghuni penjara di negara ini. Daripada 49,000 penghuni penjara, kira-kira 24,000 orang adalah warga asing. Banduan warga asing yang ramai ini bukan sahaja membebankan perbelanjaan kerajaan, malah mengakibatkan kesesakan di penjara. Itu belum lagi kos penyelenggaraan yang terpaksa dikeluarkan untuk 'menyara' lebih daripada 10,000 warga asing yang berada di depoh tahanan Jabatan Imigresen kerana ketiadaan visa dan permit (*Berita Harian*, 19 Julai 2007)

Tindakan untuk mengurus keberadaan pekerja asing di negara ini perlu dilakukan segera untuk mengurangkan berbagai masalah yang ditimbulkan oleh pekerja asing. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Datuk Fu Ah Kiow hari ini berkata cadangan menempatkan pekerja asing di satu tempat khusus boleh dikaji dengan teliti keberkesanannya (*Utusan Malaysia*, 8 Ogos 2007).

Saranan Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan itu supaya pekerja asing ditempatkan di satu tempat khusus bagi mengurangkan kadar jenayah. Ia bukan untuk menyekat kebebasan mereka bergerak tetapi mengawal mereka daripada membentuk "koloni" di tempat-tempat tertentu yang mengganggu keselesaan penduduk tempatan. Masyarakat tempatan ingin menjalani kehidupan tanpa sebarang masalah, kerana banyak aduan diterima ekoran kehadiran warga asing yang ramai.

Rumah kongsi yang didiami pekerja asing perlu digantikan dengan rumah teres tersusun dan terancang bagi mengatasi masalah jenayah di kalangan golongan tersebut. Menerusi konsep rumah teres itu juga, pemeriksaan berkala boleh dilakukan dalam usaha mengelakkan masalah pekerja asing 'hilang'. Menerusi langkah berkenaan, ia akan memudahkan tindakan pihak berkuasa jika berlaku sesuatu kes melibatkan pekerja asing.

Pekerja asing juga seharusnya dihantar pulang ke negara masing-masing sebaik sahaja pekerjaan atau projek yang dijalankan selesai. Kaedah ini diamalkan di negara maju. Ini akan mengurangkan pengangguran di kalangan pekerja asing. Dikhuatiri jika tidak

dihantar pulang mereka menjadi pekerja tanpa izin dan melakukan pekerjaan yang tidak bermoral untuk membiayai kehidupan di Malaysia.

Apa yang paling penting perlu dilakukan untuk mengurangkan banjir pekerja asing di Malaysia ialah pemantauan yang lebih rapi. Apabila satu-satu majikan membuat permohonan untuk mengambil pekerja asing, apa yang perlu dilihat dan diteliti sebaiknya ialah sama ada permohonan itu wajar atau tidak. Pihak berkenaan mesti membuktikan yang mereka tidak dapat mencari pekerja tempatan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mereka.

Jabatan Tenaga Manusia pula mesti membuat bancian jumlah guna tenaga yang boleh dibekalkan kepada sektor-sektor yang amat memerlukan pekerja. Langkah ini dapat memastikan keperluan sebenar tenaga kerja dalam sektor-sektor tertentu.

Semua pihak menyedari bahawa banjir pekerja asing lebih banyak membawa kesan buruk. Negara memerlukan pekerja asing tetapi bukan banjir. Banjir pekerja asing menyebabkan pembaziran modal insan tempatan dan kemunculan berbagai masalah sosial yang mengancam kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara.

Jika kerajaan dan rakyat Malaysia meyakini Malaysia maka milik kita "Malaysia" mesti dijaga dan diurus dengan sebaiknya. Malaysia bukan sahaja kaya dengan berbagai kekayaan yang tidak dimiliki oleh negara jiran tetapi yang lebih penting adalah maruah dan harga diri. Jangan biarkan Jalur Gemilang dibakar lagi hanya kerana isu pekerja asing. Jika rakyat negara jiran sanggup berkorban apa sahaja untuk menggali lubang emas di negara kita mengapa kita tidak sanggup berkorban apa saja untuk merampas dan menguasai kembali lubang emas tersebut.

Bibliografi

Firdausy, Carunia Mulya, “International Labour Migration Policy and Development Strategy in Indonesia,” *International Migration and Structural Change in APEC Member Economies*, Taipei, 19 – 20 October 2000).

Sumber yang tidak diterbitkan

Kolopaking, M. Lala, *Penghijrahan Pekerja Antarabangsa dan Pembangunan Daerah Asal di Jawa*,” thesis Ph.D., USM, 1999.

Soijah Binti Likin, “Penghijrahan Dari Indonesia Ke Malaysia: Kajian Kes Tentang Pekerja Wanita Indonesia di Sungai Nibong, Pulau Pinang”, thesis Sarjana, USM, 2004.

Surat Kabar

Berita Harian, 25 February 2007; 19 Julai 2007; 3 Ogos 2007; 12 Ogos 2007; 28 Ogos 2007

Fokus, Julai 2002

Suara Pembaruan, 16 Februari 2005

Kompas, 30 Ogos 2002; 8 September 2002; 14 September 2002

Utusan Malaysia, 22 Mac 2005; 24 Julai 2007; 8 Ogos 2007; 16 Oktober 2007; 20 Oktober 2007; 21 Oktober 2007; 23 Oktober 2007, 30 September 2007